

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status kemajuan pembinaan Projek Lebuh Raya Pantai Barat (West Coast Expressway) dan nyatakan bilakah projek ini dijangka akan siap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) ini merentasi dua (2) buah negeri iaitu Negeri Selangor dan Negeri Perak sejauh 316 km di bina di sepanjang persisiran pantai barat untuk kemudahan penduduk setempat dan juga pengguna lebuhraya ke utara. Panjang jajaran Lebuhraya WCE yang dilaksanakan secara penswastaan oleh West Coast Expressway Sdn. Bhd. (WCESB) adalah sepanjang 233 km manakala jajaran sepanjang 83km untuk menaiktaraf jalan sedia ada (FR5) dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan.

Pembukaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) secara berperingkat telah bermula pada tahun 2019 melibatkan Seksyen 5 di Selangor (dari Persimpangan Bandar Bukit Raja ke Persimpangan Kapar) serta Seksyen 8, 9 dan 10 di Negeri Perak (dari Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan dan dari Persimpangan Kg. Lekir ke Persimpangan Beruas).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuhraya WCE ini dijangka siap secara keseluruhannya pada tahun 2024, khususnya bagi jajaran di Negeri Selangor. Status kemajuan semasa pembinaan lebuhraya WCE bagi tempoh masa berakhir 25 September 2021 adalah sebanyak 78.43%. Pada masa kini, kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan di bahagian jajaran yang belum disiapkan melibatkan kerja tanah, pembinaan struktur dan jambatan, perparitan, cerun, turapan, kerja mekanikal dan elektrik, perabot jalan, bangunan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kemajuan pembinaan agak terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) bagi mengekang pandemik Covid-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA :

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan akan menguruskan pembayaran balik hutang Kerajaan yang telah meningkat secara mendadak akibat COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keutamaan Kerajaan pada masa sekarang adalah menyokong sistem kesihatan awam, melindungi kehidupan dan kesejahteraan rakyat serta mendokong perniagaan dan ekonomi. Walau bagaimanapun, setelah lebih banyak sektor ekonomi dapat dibuka semula dengan selamat dan mendorong kadar pemulihan yang lebih pantas seperti yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara, Kerajaan yakin dengan asas dan pemulihan ekonomi Malaysia yang kukuh akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur serta memperbaiki semula kedudukan penarafan negara setelah ekonomi negara kembali pulih dan stabil dalam jangka sederhana.

Setelah ekonomi kembali beransur pulih, Kerajaan akan dapat melaksanakan semula langkah konsolidasi dan inisiatif pengukuhan fiskal. Antara langkah untuk meringankan beban hutang dan bayaran khidmat hutang, Kerajaan akan memastikan perbelanjaan memberi impak berganda kepada ekonomi dan rakyat. Dengan pengukuhan dan

pemulihan kembali ekonomi, hasil juga akan kembali meningkat dan ini akan memberi ruang fiskal kepada Kerajaan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan akan melaksanakan reformasi fiskal, termasuk cadangan penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal dan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana, untuk memacu langkah konsolidasi fiskal pasca krisis. Inisiatif ini meliputi langkah rasionalisasi dan meningkatkan kecekapan perbelanjaan melalui kajian semula perbelanjaan awam (atau dengan izin, *Public Expenditure Review*) dalam mengukuhkan kedudukan kewangan dan sebagai usaha Kerajaan membina semula ruang fiskal.

Di samping itu, langkah konsolidasi fiskal akan turut disokong melalui Strategi Hasil Jangka Sederhana dengan mengkaji dan menambah baik sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, memanfaatkan potensi sektor tidak formal, mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar, mengurangkan ketirisan cukai serta menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi berkaitan.

Pelaksanaan langkah konsolidasi fiskal disertai kutipan hasil yang lebih baik pasca-krisis dijangka akan dapat mengurangkan paras hutang dan pembayaran balik hutang secara beransur-ansur demi memastikan kemampuan fiskal dan kemampuan keberhutangan Kerajaan dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN:

MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah bayaran pencen kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara untuk 10 tahun yang lepas dan ramalan bayaran pencen untuk 10 tahun yang akan datang. Nyatakan bagaimana Kerajaan merancang untuk membayar bayaran-bayaran pencen ini yang kian menambah setiap tahun.

JAWAPAN:**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Perbelanjaan faedah persaraan (pencen perkhidmatan, ganjaran perkhidmatan dan *Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat*) bagi tahun 2010 – 2020 adalah seperti berikut:

| Tahun | Perbelanjaan (RM) |
|--------------|--------------------------|
| 2010 | 9.88 bilion |
| 2011 | 11.40 bilion |
| 2012 | 12.54 bilion |
| 2013 | 13.13 bilion |
| 2014 | 16.34 bilion |
| 2015 | 17.98 bilion |
| 2016 | 20.35 bilion |
| 2017 | 21.86 bilion |
| 2018 | 23.86 bilion |
| 2019 | 24.90 bilion |
| 2020 | 26.38 bilion |

2. Unjuran perbelanjaan faedah persaraan (pencen perkhidmatan, ganjaran perkhidmatan dan *Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat*) untuk tahun 2030 dijangka meningkat kepada RM46.6 billion.
3. Bagi memperkuuh kedudukan fiskal, Kerajaan mengguna pakai Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana atau *Medium Term Fiscal Framework* (MTFF) sebagai panduan dalam menggubal strategi ke arah konsolidasi fiskal jangka sederhana (3 hingga 5 tahun) yang selari dengan pelan pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). RMKe-12 menyediakan rangka kerja dasar yang holistik bagi pembaharuan struktur dan menetapkan halatuju jangka masa sederhana.

4. Kerajaan juga sedang membangunkan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) bagi menambah baik asas hasil merangkumi pelaksanaan langkah hasil secara berperingkat, semakan semula perundungan cukai dan pemodenan pentadbiran hasil. Pelaksanaan MTRS adalah penting bagi memastikan Kerajaan dapat membiayai perbelanjaan termasuk bayaran pencen dalam tempoh jangka panjang. Bayaran pencen dikategorikan sebagai perbelanjaan tanggungan iaitu perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan tanpa perlu mendapat kelulusan Parlimen selaras dengan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.